

PERANAN INSTITUSI KEJIRANAN KETIKA PANDEMIK COVID-19 MENURUT PERSPEKTIF SUNNAH

NEIGHBOURHOOD INSTITUTIONS ROLE DURING THE COVID-19 PANDEMICS
ACCORDING TO SUNNAH PERSPECTIVE

Maisarah Saidin

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Bandar Baru
Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Email: maisarah@usim.edu.my

Siti Mardhiyah Kamal Azhar

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Bandar Baru
Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Email: mardhiyah@usim.edu.my

Norwardatun Mohamed Razali

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Bandar Baru
Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Email: wardatun@usim.edu.my

ABSTRAK

Kehidupan bermasyarakat yang baik bermula dengan nilai persaudaraan yang disemarakkan dalam kalangan jiran. Namun, perubahan gaya hidup yang terlalu sibuk serta kemajuan teknologi yang semakin pesat menjadi faktor utama nilai ini semakin terhakis. Pengabaian terhadap konsep hidup berjiran berupaya menimbulkan konflik dalam sesebuah masyarakat seterusnya menggugat ketenteraman dan keharmonian kepelbagaian kaum dan agama di Malaysia. Islam amat menitikberatkan hubungan kejiranan. Ini kerana, kejiranan yang baik dapat melahirkan masyarakat yang harmoni dan sejahtera. Kefahaman dan kesedaran terhadap konsep kejiranan yang sebenar dalam kalangan masyarakat seperti yang dianjurkan Islam perlu dilaksanakan. Justeru, kajian ini bertujuan menganalisis pendekatan Rasulullah SAW terhadap konsep serta prinsip hidup berjiran. Bagi mencapai objektif tersebut, kajian ini menggunakan pendekatan induktif yang bersumberkan kitab-kitab hadis dan syarah hadis. Melalui analisis tekstual yang dijalankan, kajian mendapati bahawa pendekatan yang dibawa oleh Rasulullah SAW dalam menghidupkan nilai kejiranan seperti saling membantu, menjaga rahsia serta menutup keaiban jiran adalah amalan yang sangat praktikal dalam menghadapi pandemic COVID 19.

Kata kunci: Peranan, Institusi Kejiranan, Pandemik Covid 19, Perspektif Sunnah.

ABSTRACT

Good social life begins with the values of brotherhood which is enlivened among neighbours. However, lifestyle changes that are too busy as well as rapidly advancing technology are the main factors that erode this value. Neglecting the concept of neighbourhood life able to cause conflict in a society and thus threaten the peace and harmony of various races and religions in Malaysia. Islam places great emphasis on neighbourhood relations. This is because a good neighbourhood can contribute to a harmonious and prosperous society. An understanding and awareness of the neighbourhood concept among societies as recommended by Islam needs to be implemented. Thus, this study aims to analyse Rasulullah SAW approach on the concepts and principles of neighbourhood life. To achieve these objectives, this study uses an inductive approach that is sourced from the main *hadith* books and its *syarah*. Through the textual analysis that has been conducted, the study finds that the approach that has been brought by Rasulullah SAW in reviving neighbourhood values- such as helping each other, keeping secrets and covering the shame of neighbours, is a very practical practice in dealing with the Covid-19 pandemic.

Keywords: Role, Neighborhood Institutions, Pandemic Covid 19, Sunnah Perspective.

1. PENDAHULUAN

Hidup bermasyarakat merupakan amalan yang dituntut oleh semua agama khususnya agama Islam. Masyarakat yang berkualiti bermula dari kejiranan yang aman dan harmoni. Hubungan yang erat sesama jiran bukan sahaja mewujudkan sebuah masyarakat yang bersatu padu, malahan menjadi aset penting dalam pembentukan sesebuah negara maju. Semangat kejiranan amat penting dalam memupuk perpaduan antara kaum, lebih-lebih lagi negara yang mempunyai pelbagai kaum seperti Malaysia. Tanpa nilai kejiranan, maka kestabilan politik, ekonomi dan sosial sesebuah negara tidak akan tercapai.

Namun begitu, nilai kejiranan pada hari ini semakin pudar akibat perubahan gaya hidup masyarakat yang terlalu sibuk bekerja disamping kemajuan teknologi yang berkembang pesat sehingga menyebabkan sebilangan mereka bersikap mementingkan diri sendiri. Pengabaian terhadap konsep hidup berjiran berupaya menimbulkan konflik dalam sesebuah masyarakat. Ini terbukti dengan wujudnya beberapa insiden yang pada awalnya bermula dengan perselisihan faham sehingga mencetuskan pergaduhan, bahkan ada yang berakhir dengan pembunuhan. Sebagai contoh, kes yang berlaku di Kampung Jenderam Hulu, Dengkil di mana seorang lelaki yang hilang pertimbangan nekad menikam lima remaja yang juga jirannya serta rakan mangsa akibat daripada perbuatan mangsa yang sering membuat bising.¹ Kes yang sama juga berlaku di

¹ Noor Atiqah Sulaiman. (2018, 30 Mei.). Hilang sabar tikam jiran sering buat bising. *Berita harian*. Di ambil dari <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2018/05/431977/hilang-sabar-tikam-jiran-sering-buat-bising>,

Sungai Petani, Kedah.² Manakala kes di Terengganu, seorang suri rumah berdepan pertuduhan di mahkamah akibat memukul jirannya.³

Pengabaian terhadap nilai kejiranan juga berupaya menimbulkan pelbagai kes jenayah lain seperti rompak, pecah rumah, penderaan kanak-kanak dan sebagainya. Sebagai contoh, kes penderaan sehingga maut terhadap kanak-kanak yang berlaku di Port Dickson⁴. Perkara ini dapat dielakkan sekiranya jiran dan masyarakat ada sikap peduli terhadap sekeliling mereka. Justeru itu, bagi mengatasi masalah tersebut, konsep dan nilai kejiranan sebenar perlu dihayati semula. Sikap bertolak ansur, saling membantu, hormat mengormati perlu diterapkan dalam diri setiap orang agar suasana kerukunan hidup berjiran dapat diwujudkan.

Kajian ini bertujuan menganalisis pendekatan Rasulullah SAW terhadap konsep serta prinsip hidup berjiran. Hasil kajian ini penting dalam memberi kefahaman dan kesedaran kepada masyarakat terhadap prinsip kejiranan yang sebenar. Pengamalan terhadap prinsip ini bukan sahaja dapat melahirkan masyarakat yang sejahtera dan bersatu padu malahan membantu mereka dalam menghadapi situasi pandemik Covid-19.

2. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan pendekatan induktif yang bersumberkan hadis-hadis yang dinilai sahih dan hasan dalam kitab-kitab hadis induk seperti *Sahih al-Bukhari*, *Sahih Muslim*, *Sunan Abi Daud* dan *Sunan at-Tirmizi*; dan kitab hadis lain seperti *Al-Adab al-Mufrad* berserta kitab syarah hadis. Penggunaan hadis-hadis yang dinilai sahih atau hasan dalam kajian ini bertujuan memelihara kesucian hadis dan menyekat penyebaran hadis yang tidak dikenalpasti sumbernya. Kajian ini dijalankan bertujuan menganalisis peranan institusi kejiranan berdasarkan pendekatan yang dibawa oleh Rasulullah SAW dalam menghadapi situasi pandemik Covid-19. Penelitian dilakukan terhadap hadis-hadis yang memperlihatkan elemen atau prinsip yang berkaitan nilai persaudaraan dan kejiranan.

3. KONSEP KEJIRANAN

Dari sudut etimologi, jiran dapat didefinisikan sebagai orang yang tinggal berhampiran atau bersebelahan.⁵ Secara ringkas, jiran dalam makna yang lebih luas merujuk kepada orang atau individu yang tinggal bersempadan antara satu sama lain yang mungkin ada di kawasan yang kecil seperti kampung, mukim atau daerah dan konsep jiran sebagai pencetus komuniti juga wujud di bandar dan bandar-bandar besar. Konsep yang lebih fleksibel pula digunakan oleh

² Nor Farhani Che Ad. (2020, 14 April.). Tetak Jiran Didakwa Selalu Bising. *MyMetro*. Diambil dari <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/566290/tetak-jiran-didakwa-selalu-bising>,

³ Zatul Iffah Zolkipli. (2020, 23 Julai). Suri rumah mengaku tidak bersalah pukul jiran. *Berita Harian*. Diambil dari <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2020/07/713983/suri-rumah-mengaku-tidak-bersalah-pukul-jiran..>

⁴ Manzaidi Mohd Amin. (2018, 5 Februari). Sikap Ambil Peduli Masyarakat Boleh Elak Kejadian Jenayah. *Malaysia Gazette*. Diambil dari <https://malaysiagazette.com/2018/02/05/sikap-ambil-peduli-masyarakat-boleh-elak-kejadian-jenayah/>.

⁵ "Dewan Bahasa dan Pustaka". (2020). *Jiran*. Diambil dari <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=jiran&d=140344&>.

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) pada 1989, iaitu definisi jiran adalah mereka yang meliputi keluarga mereka sendiri, mereka yang tinggal berhampiran dengan rumah kita dan mereka yang tinggal di kawasan sejiran serta kenalan kita.⁶

Konsep jiran menurut Ibn Hajar⁷ adalah lebih meluas, merangkumi semua individu tidak kira sama ada muslim atau bukan, baik yang beribadah mahupun fasiq, sama ada rakan atau musuh, asing atau senegeri, memberi manfaat atau mudharat serta mempunyai hubungan kekeluargaan atau tidak ada hubungan, juga yang berhampiran rumahnya atau yang jauh, maka mereka semua memiliki hak dan kedudukan antara satu sama lain.

Para ulama berbeza pendapat dalam menetapkan had lingkungan jiran disebabkan dalil yang wujud terlalu umum berdasarkan perkataan Khalifah Ali RA yang menyebut: “Barangsiapa yang mendengar azan maka dialah jiran.”⁸ Namun begitu, pendapat yang masyhur menurut riwayat Aisyah ra dan para tabi'in seperti Hasan al-Basri, al-Auzaie dan az-Zuhri dan lain-lain iaitu dalam lingkungan empat puluh buah rumah dari seluruh sisi penjuru.⁹ Manakala menurut al-Alusi,¹⁰ penetapan jiran dan lingkungannya secara zahir kembali kepada adat setempat.

Kesimpulannya lingkungan kejiranan kembali kepada penakrifan umum dan adat setempat yang terpakai dalam sesebuah masyarakat kerana setiap kawasan berbeza adat dan budaya. Minimum bilangan jiran menurut pendapat ulama adalah empat puluh buah rumah dari segenap sisi penjuru, manakala had bilangan maksimum adalah berdasarkan adat masyarakat setempat.

4. KEPENTINGAN JIRAN DALAM ISLAM

Islam sangat mementingkan kesejahteraan dan keamanan antara manusia khususnya sesama Islam. Hal ini berdasarkan perintah Allah swt dalam al-Quran agar berbuat baik kepada jiran tetangga sebagaimana firman-Nya:

⁶ Jabatan Perpaduan Negara. (1989). Dalam Mohd Syarifudin Abdullah et al. (2013). *Kesepaduan Sosial dan Kejiranan di Kawasan Rukun Tetangga*. Diambil dari https://www.ums.edu.my/fksw/images/files/BIL19-2013/Kinabalu19_C3_KESEPADUAN_SOSIAL.pdf

⁷ Ibn Hajar, Ahmad bin Ali. (1959). *Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari*. Beirut, Dar al-Ma'rifah, j. 10, h. 441.

⁸ As-San'ani, Abdul Razak Hamam (1403 H). *Al-Musannaf*. Beirut, al-Maktab al-Islami, no. Hadis: 1915, j 1, h. 497.

⁹ Ibn Hajar. (1959). *Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari*, j. 10, h. 447.

¹⁰ Al-Alusi, Mahmud Abdullah. (1415 H). *Ruhul Ma'ani Fi tafsiril Qur'an Al-Azim Wa Sab'ul Masani*. Beirut, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, j. 3, h. 28.

* وَعَبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا وَبِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ
وَالْجَارِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَالْجَارِ الْجُنُبِ وَالصَّاحِبِ بِالْجَنبِ وَابْنِ السَّبِيلِ وَمَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ إِنَّ
اللَّهَ لَا يُحِبُّ مَن كَانَ مُخْتَالًا فَخُورًا ﴿٣٦﴾¹¹

Maksudnya: “Sembahlah Allah dan janganlah kamu mempersekutukan-Nya dengan sesuatu apa pun. Dan berbuat baiklah kepada kedua ibu-bapa, dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, dan jiran tetangga yang dekat dan jiran tetangga yang jauh, dan rakan sejawat, dan orang musafir yang terlantar dan hamba sahayamu. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang sombong dan membangga-banggakan diri”.

Dalam memahami ayat tersebut, mufassirin seperti al-Baidhawi, Ibn Kathir dan Asy-Syaukani¹² telah mendatangkan beberapa pendapat berdasarkan riwayat dari para sahabat dan *tabi'in*. Pendapat pertama menyatakan bahawa maksud "tetangga yang dekat" ialah jiran yang memiliki hubungan kekerabatan. Sedangkan "tetangga yang jauh" adalah mereka yang tidak memiliki hubungan kerabat. Demikian pendapat yang diriwayatkan dari Ibn Abbas, `Ikrimah, Mujahid, Maimun bin Mahran, adh-Dhahhak, Zaid bin Aslam, Muqatil bin Hayyan, dan Qatadah. Manakala pendapat lain berdasarkan riwayat dari Nauf al-Bakkali menyatakan bahawa “tetangga yang dekat,” bermaksud jiran dari kalangan Muslim, sedangkan “tetangga jauh” merupakan jiran dari kalangan orang Yahudi dan Nasrani.

Berdasarkan penjelasan di atas, dapat difahami bahawa anjuran berbuat baik dalam ayat tersebut tidak dikhususkan kepada jiran yang beragama Islam sahaja, bahkan ia merangkumi kepada bukan Islam serta tidak kira sama ada ia memiliki hubungan kekerabatan atau tidak. Oleh yang demikian, dalam menentukan martabat dan kedudukan jiran, ulama membahagikan mereka kepada tiga kategori iaitu:

1. Jiran Muslim yang memiliki hubungan darah; ia memiliki tiga hak iaitu hak sesama Islam, hak kekeluargaan dan hak kejiranan.
2. Jiran Muslim yang tiada hubungan darah; dan ia mempunyai dua hak iaitu hak sesama Muslim dan hak kejiranan.
3. Jiran yang kafir, mereka ini hanya mempunyai satu hak sahaja iaitu hak kejiranan¹³.

Justeru berdasarkan pembahagian di atas, jelaslah bahawa Islam sangat menganjurkan umatnya memelihara hak kejiranan tanpa mengira latarbelakang agama dan kepercayaan.

¹¹ Al-Quran al-Karim 4: 36.

¹² al-Baidhawi, Abdullah bin Umar. (1418 H). *Anwar at-Tanzil wa Asrar at-Ta'wil*. Beirut, Dar Ihya' at-Turath al-'Arabi, j. 2, h. 74. Ibn Kathir, Ismail bin Umar. (1419 H). *Tafsir al-Qur'an al-A'zim*. Beirut, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, j. 2, h. 261. Asy-Syaukani, Muhammad bin Ali. (1414 H). *Fathul Qadir*. Beirut, Dar Ibn Kathir, j. 1, h. 536.


¹³ Ibn Hajar. (1959). *Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari*, j. 10, h. 441. At-Tabrani, Sulaiman bin Ahmad. (1984). *Musnad As-Syamiyyin*. Beirut, Muassasah al-Risalah, no. Hadis: 2430, j. 3, h. 339.

Semangat kejiranan penting dalam memupuk perpaduan antara kaum. Menurut Salmi¹⁴ hubungan persaudaraan yang kukuh antara jiran tetangga mampu meningkatkan kestabilan politik, mengurangkan kadar jenayah, menjana pembangunan ekonomi serta dapat menjaga kebajikan sosial masyarakat.

Pendapat tersebut selari dengan kenyataan Mohd Yusof Hussain et al.¹⁵ yang menyatakan bahawa pengamalan nilai persaudaraan dan kekeluargaan antara kejiranan berupaya membentuk masyarakat sejahtera. Keselamatan penduduk lebih terjamin dan bebas daripada jenayah sosial sekiranya nilai ini diamalkan dalam kalangan jiran tetangga.

5. PRINSIP HIDUP BERJIRAN

Prinsip kejiranan dalam kajian ini dibahagikan secara umum dan khusus sepertimana rajah berikut:



5.1 Prinsip Kejiranan secara Umum

Secara umumnya, Islam telah menggariskan beberapa prinsip yang perlu dipenuhi sesama jiran. Antaranya:

5.1.1 Saling Hormat Menghormati dan Bersikap Toleransi

Berbuat baik kepada jiran termasuk kewajipan dan menghormati mereka merupakan perintah dari Allah serta menunjukkan tanda keimanan sebagaimana yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah, sabda Rasulullah SAW:

¹⁴ Venla Salmi & Janne Kivivuori. (2006). The Association Between Social Capital And Juvenile Crime: The Role Of Individual And Structural Factors. *European Journal of Criminology*. 3 (2), 123-148.

¹⁵ Mohd Yusof Hussain et al. (2011). Hubungan Kejiranan Dalam Membentuk Kesejahteraan Hidup Masyarakat Kampung Baandar: Kes Kampung Berjaya dan Kampung Mempelam, Alor Setar, Malaysia. *Malaysia Journal of Society and Space*. No 7. Issue 3 (36-44).

مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيُحْسِنِ إِلَى جَارِهِ، وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيُكْرِمْ ضَيْفَهُ،
وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيُتَّقِ اللَّهَ تَقَاتُلًا حَيْثُ أَوْ لَيْسَتْ كُنْتُمْ¹⁶

Maksudnya: "Barangsiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, maka hendaklah dia berlaku baik pada jirannya. Dan barangsiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, maka hendaklah memuliakan tetamunya dan barangsiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, maka hendaklah berkata yang baik atau -kalau tidak dapat berkata baik- maka hendaklah berdiam saja".

Imam an-Nawawi¹⁷ ketika mensyarahkan hadis ini telah menukulkan kata-kata daripada al-Qadhi 'Iyadh, beliau menyatakan bahawa sesiapa yang beriltizam dengan syariat Islam maka wajib ke atasnya untuk memuliakan atau berlaku baik kepada jiran dan tetamunya. Semua ini menunjukkan kepentingan hak berjiran serta galakan memeliharanya.

Begitu juga dengan Syeikh Uthaimin¹⁸ dalam syarahnya menjelaskan bahawa menghormati jiran tetangga merupakan antara salah satu kayu ukur iman seseorang kepada Allah. Tatacara pengamalan menghormati jiran boleh dilaksanakan mengikut tradisi atau 'uruf setempat masing-masing selagi mana tidak menyalahi syariat.

Justeru, dapat disimpulkan bahawa keimanan kepada Allah dan hari akhirat bukanlah hanya pada lisan atau hati seseorang sahaja malahan ia merangkumi semua amal perbuatan termasuklah menghormati jiran dan menyantuninya dengan kebaikan.

Disamping itu, Nabi Muhammad SAW juga mengingatkan umatnya agar memuliakan jiran dan berbuat baik kepada mereka sepertimana melayani kaum keluarga sendiri. Tuntutan ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan Abdillah bin 'Amr ra, bahawa Nabi SAW bersabda:

حَيْرُ الْأَصْحَابِ عِنْدَ اللَّهِ حَيْرُهُمْ لِصَاحِبِهِ، وَحَيْرُ الْجِيرَانِ عِنْدَ اللَّهِ حَيْرُهُمْ لِجَارِهِ¹⁹.

Maksudnya: "Sebaik-baik teman di sisi Allah adalah seseorang yang terbaik terhadap temannya. Manakala sebaik-baik jiran di sisi Allah adalah seorang yang paling baik dengan jirannya.

¹⁶ Hadis riwayat Muslim, Kitab al-Iman, Bab al-Hassi 'Ala Ikram al-Jari wa al-Dhoifi wa luzumi as-Somti 'illa 'an al-Khairi wa Kauni zalika kullihi min al-Iman, no. Hadis 48. Lihat: Muslim bin al-Hajaj, Abu al-Hasan. (t.t.). *Al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar bi Naqli al-'Adli 'An al-'Adli ila Rasuluhullahi Sallallahu Alaihi Wassallam [Sahih Muslim]*. Muhammad Fuad Abdul Baqi (ed.). Beirut: Dar Ihya' at-Turash al-'Arabi, j. 1, h. 69.

¹⁷ An-Nawawi, Mahyuddin Yahya (1392 H). *Al-Minhaj 'ala Syarh Sahih Muslim*. Beirut, Dar Ihya al-Turath al-Arabi, j. 2, h. 18.

¹⁸ Al-Uthaimin, Muhammad Salih. (t.t.). *Syarah al-Arba'in an-Nawawiyah*. Dar as-Suria Lil Nasyar, j. 1, h. 179.

¹⁹ Hadis riwayat at-Tirmizi, Abwab al-Birru wa as-Sillah, bab Ma Ja'a fi haqqi al-Jiwari, no. Hadis: 1944. Lihat At-Tirmizi, Muhammad Isa (1975). *Sunan at-Tirmizi*. Muhammad Fuad Abdul Baqi et. al (ed.). Mesir, Syarikah Maktabah wa Matba'ah Mustofa al-Bahi al-Halbi, j. 3, h. 397. Imam at-Tirmizi menilai hadis ini sebagai hasan gharib. Hadis ini Sahih mengikut penilaian al-Albaniy.

Al-Munawi²⁰ ketika menjelaskan hadis ini menyatakan bahawa barangsiapa yang berlaku baik kepada teman atau jirannya maka ia adalah yang terbaik disisi Allah. Justeru, dapat difahami juga bahawa seburuk-buruk manusia disisi Allah, mereka yang berlaku buruk pada temannya atau jirannya.

Selain itu, berlaku baik pada jiran juga dituntut Rasulullah SAW berdasarkan riwayat dari Ibn Umar dan Aisyah RA, keduanya berkata: Rasulullah SAW bersabda:

مَا زَالَ جِبْرِيلُ يُوصِينِي بِالْجَارِ، حَتَّى ظَنَنْتُ أَنَّهُ سَيُورُنِي²¹.

Maksudnya: "Jibril terus menerus berwasiat kepadaku supaya berbuat baik kepada tetangga, sehingga aku menyangka seolah-olah Jibril akan memasukkan tetangga sebagai ahli waris -yakni dapat menjadi ahli waris dan tetangganya".

Orang yang berbuat baik disukai dan dikasihi Allah, malah diberikan ganjaran pahala sebagaimana diterangkan melalui firman Allah seperti berikut:

وَأَصْبِرْ فَإِنَّ اللَّهَ لَا يُضِيعُ أَجْرَ الْمُحْسِنِينَ ﴿١١٥﴾

Maksudnya: "Dan bersabarlah, karena sesungguhnya Allah tiada menyia-nyiakan pahala orang-orang yang berbuat kebaikan.

Dalam konteks negara Malaysia yang berbilang kaum, agama dan kepercayaan; sikap saling menghormati serta bertoleransi dalam muamalah harian sangat dianjurkan bagi mencipta keharmonian. Islam juga sangat menitikberatkan hubungan silaturahim sesama manusia, tanpa mengira agama Islam mahupun bukan.

Justeru itu, Islam menggalakkan umatnya agar menghormati kepercayaan penganut agama lain, sepertimana yang telah diajarkan dalam Al Quran sebagaimana firman Allah SWT:

﴿وَلَا تَسُبُّوا الَّذِينَ يَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ فَيَسُبُّوا اللَّهَ عَدْوًا بِغَيْرِ عِلْمٍ كَذَلِكَ زَيْنًا لِكُلِّ أُمَّةٍ عَمَلُهُمْ ثُمَّ

إِلَىٰ رَبِّهِمْ مَرْجِعُهُمْ فَيُنَبِّئُهُمْ بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿١٠٨﴾

²⁰ Al-Munawi, Abdul Ra'uf. (1356 H). *Faidul Qadir Syarah al-Jami' as- Shaghir*. Mesir, al-Maktabah al-Tijariyah al-Kubra, j. 3, h. 469.

²¹ Hadis riwayat al-Bukhari, Kitab al-Adab, Bab al-Wasatu bil Jari, no. Hadis: 6015. Lihat al-Bukhari, Muhammad Ismail . (1422 H). *Sahih al-Bukhari*. Muhammad Zuhair Nasir an-Nasir (ed.). Beirut, Dar Tauqa al-Najah, j. 8, h. 10.

²² Al-Quran al-Karim 11:115.

²³ Al-Quran al-Karim 6: 108.

Maksudnya: “Dan janganlah kamu memaki sembah-sembahan yang mereka sembah selain Allah, kerana mereka kelak akan mencaci Allah secara melampaui batas tanpa pengetahuan. Demikianlah Kami memperelokkan pada pandangan tiap-tiap umat akan amal perbuatan mereka, kemudian kepada Tuhan merekalah tempat kembali mereka, lalu Ia menerangkan kepada mereka apa yang mereka telah kerjakan”.

Ibnu Kathir²⁴ ketika menafsirkan ayat ini menjelaskan bahawa firman Allah SWT tersebut melarang Rasul-Nya dan orang-orang mukmin memaki sembah-sembahan orang-orang musyrik. Walaupun dalam makian itu terkandung maslahat, namun begitu mencegah terjadinya *mafsadat* (kerosakan) yang jauh lebih parah adalah hal yang sebaik-baiknya sebagaimana yang diperintahkan oleh Allah SWT.

Ayat berkenaan secara khusus ditujukan kepada kaum Muslim tentang bagaimana seharusnya bersikap toleransi dan menghormati kepercayaan masyarakat bukan Islam. Jika umat Islam mencemuh atau mengejek kepercayaan mereka, justeru ia akan mendorong mereka membalas penghinaan tersebut. Tidak mustahil akan ada pertumpahan darah yang berlaku selepas itu. Oleh itu, jika timbul isu yang berkaitan agama, maka ia perlu ditangani secara bijaksana supaya tidak ada persengketaan yang berlaku. Bahkan Islam sangat menganjurkan sikap toleransi di mana masyarakat bukan Islam bebas menganuti agama dan kepercayaan mereka tanpa dipaksa untuk menganuti Islam. Tambahan pula, sejarah telah membuktikan bahawa keindahan dan keadilan Islam itu yang menambat hati golongan bukan Islam untuk mendekati diri dan mempelajari tentang Islam seterusnya memeluk agama ini. Justeru itu, umat Islam dilarang berlaku zalim terhadap mereka hanya disebabkan oleh perbezaan agama.

Kepentingan nilai ini jelas membuktikan bahawa Islam sangat menjaga keharmonian antara kaum sebagaimana terdapat kisah Nabi Muhammad SAW yang memberi hormat dengan berdiri apabila jenazah seorang Yahudi dibawa lalu di hadapan baginda sepertimana hadis yang diriwayatkan Jabir bin Abdullah RA seperti berikut:

مَرَّ بِنَا جِنَازَةٌ فَقَامَ لَهَا النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَقُمْنَا بِهِ فَقُلْنَا يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّهَا جِنَازَةٌ يَهُودِيٍّ قَالَ إِذَا رَأَيْتُمُ الْجِنَازَةَ فَقُومُوا²⁵

Maksudnya: “Satu jenazah lalu di hadapan kami (para sahabat), maka Rasulullah SAW berdiri. Lalu kami pun turut berdiri. Kami berkata kepada Rasulullah SAW: “Ya Rasulullah, itu adalah jenazah yahudi”. Sabda Rasulullah SAW “apabila kamu melihat jenazah, maka berdirilah”.

²⁴ Ibn Kathir, Ismail Umar. (1419 H). *Tafsir al-Qur'an al-A'zim*. Muhammad Hussain Syamsuddin (ed.). Beirut, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, j. 3. H, 282.

²⁵ Hadis riwayat al-Bukhari, Kitab al-Janaiz, Bab Man Qama Li Janazah Yahudi, no. Hadis:1311. Lihat Al-Bukhari. (1422 H). *Sahih al-Bukhari.*, j. 2, h. 85.

Dan hadis yang diriwayatkan Qais bin Sa'ad dan Sahal bin Hunaif sebagaimana berikut:

كَانَا بِالْقَادِسِيَّةِ فَمَرَّتْ بِمَنَا جَنَازَةٌ فَقَامَا، فَقِيلَ لَهُمَا: إِنَّهَا مِنْ أَهْلِ الْأَرْضِ، فَقَالَا: إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَرَّتْ بِهِ جَنَازَةٌ، فَقَامَ فَقِيلَ: إِنَّهُ يَهُودِيٌّ، فَقَالَ: «أَلَيْسَتْ نَفْسًا»²⁶

Maksudnya: Perarakan jenazah berlalu di hadapan mereka dan mereka berdiri. Mereka diberitahu bahawa jenazah itu adalah salah satu daripada Ahli Zimmah. Mereka berkata; “Jenazah berlalu berhampiran dihadapan Nabi SAW lalu Baginda berdiri. Diberitakan kepada baginda bahawa ia adalah jenazah seorang Yahudi. Lalu baginda bersabda: “Tidakkah ia satu jiwa / manusia?”

Dalam mensyarahkan hadis ini al-Aini²⁷ menyatakan bahawa Nabi SAW telah mengajar umatnya agar berdiri apabila melihat jenazah yang lalu sama ada ia adalah jenazah Muslim atau sebaliknya, kerana perbuatan tersebut merupakan antara tanda hormat kepada si mati.

Demikianlah akhlak yang ditonjolkan oleh Rasulullah SAW yang wajar diteladani oleh semua umatnya. Sedangkan jenazah Yahudi diberikan penghormatan oleh Nabi SAW, maka sudah tentu mereka yang masih hidup perlu dihormati dan diberikan hak-hak kemanusiaan sebagaimana yang digariskan Islam. Justeru, dengan pengamalan sikap tersebut secara tidak langsung memaparkan keindahan agama ini seterusnya menjadi daya penarik kepada mereka untuk memeluk Islam.

5.1.2 Larangan Menyakiti Tetangga dan Anjuran Memuliakan Mereka

Dalam konteks menjaga hubungan silaturahim sesama jiran, Islam melarang umatnya menyakiti hati jiran dan ahli keluarga mereka, sama ada dengan perkataan, mahupun perbuatan yang boleh menyinggung perasaan mereka.

Bagi menjaga ketenteraman dan keharmonian hidup berjiran, kita hendaklah peka dan mengamalkan sikap bertolak ansur dalam kehidupan seperti elakkan membuat kekacauan atau bising yang boleh mengganggu ketenteraman awam. Larangan menyakiti jiran dan anjuran memuliakan mereka bertepatan dengan riwayat Abu Hurairah RA bahawasanya Rasulullah SAW bersabda:

²⁶ Hadis riwayat Muslim, Kitab al-Janaiz, Bab al-Qiyam lil Janazah, no. Hadis: 961. Lihat: Muslim. (t.t.). *Sahih Muslim*, j. 2, h. 661.

²⁷ Al-Aini, Mahmud bin Ahmad. (t.t.). *Umdah al-Qari Syarah Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiyy, j. 8, h. 110.

من كان يؤمن بالله واليوم الآخر فلا يؤذ جاره، ومن كان يؤمن بالله واليوم الآخر فليكرم ضيفه، ومن كان يؤمن بالله واليوم الآخر فليقل خيرا أو ليصمت.²⁸

Maksudnya: "Barangsiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, maka janganlah menyakiti tetangganya. Dan barangsiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, maka hendaklah memuliakan tetangganya dan barangsiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, maka hendaklah berkata yang baik atau -kalau tidak dapat berkata baik- maka hendaklah berdiam saja".

Berdasarkan hadis tersebut juga jelas dinyatakan bahawa perbuatan memuliakan jiran tetangga dan tidak menyakiti mereka adalah sangat dituntut. Di samping itu, terdapat juga riwayat lain yang menegaskan bahawa tidak beriman seseorang Muslim sekiranya perbuatan atau sikapnya menyebabkan jirannya merasa tidak aman sepertimana hadis yang diriwayatkan Abu Hurairah RA bahawa baginda Rasulullah SAW. bersabda:

والله لا يؤمن والله لا يؤمن والله لا يؤمن قيل من يا رسول الله قال الذي لا يأمن جاره بوائقه.²⁹

Maksudnya: Demi Allah orang itu tidak beriman, demi Allah orang itu tidak beriman, demi Allah orang itu tidak beriman. Lalu seorang lelaki pun bertanya siapakah orang itu wahai Rasulullah? Baginda pun menjawab: Orang yang jirannya tidak berasa aman daripada kejahatannya.

Dalam hadis lain yang juga diriwayatkan Abu Hurairah disebutkan bahawa Nabi SAW bersabda:

لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ مَنْ لَا يَأْمَنُ جَارَهُ بَوَائِقِهِ³⁰

Maksudnya: "Tidak akan masuk syurga orang yang tetangganya itu tidak aman akan gangguannya".

Menurut Ibn Hajar³¹, dari hadis di atas dapat diambil pelajaran tentang pentingnya hak tetangga sehinggakan perbuatan memudaratkan jiran dianggap termasuk dalam dosa yang besar. Oleh yang demikian, jelaslah disini bahawa mengganggu jiran tetangga dengan segala bentuk gangguan haram hukumnya. Begitu juga Syaikh al-Uthaimin³², beliau menyatakan bahawa jika

²⁸ Hadis riwayat al-Bukhari, Kitab al-Adab, Bab Man Kana Yu'minu Billahi wal Yaumil Akhiri fala Yu'dzi Jarahu, no. Hadis: 6018. Lihat Al-Bukhari. (1422 H). *Sahih al-Bukhari*, j. 8, h. 11.

²⁹ Hadis riwayat al-Bukhari, Kitab al-Adab, Bab Ithmu Man La Ya'min Jarihi bi Wa'iqihi, no. Hadis: 6016. Lihat Al-Bukhari. (1422 H). *Sahih al-Bukhari*, j. 8, h. 10.

³⁰ Hadis riwayat Muslim, Kitab al-Iman, Bab Bayani Tahrim 'Iza'I al-Jari, no. Hadis: 46. Lihat: Muslim. (t.t.). *Sahih Muslim*, j. 1, h. 68.

³¹ Ibn Hajar. (1959). *Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari*, j. 10, h. 442.

³² Al-Uthaimin, Muhammad Salih (1426H). *Syarh Riyadhis Shalihin*. Ar-Riyadh, Dar al-Watan Lil Nasyar, j. 3, h. 178.

seseorang melakukan perbuatan tersebut, maka dia bukan dari kalangan seorang mukmin, dalam erti kata yang lain ia tidak memiliki sifat sebagaimana sifat orang mukmin. Hal ini dapat dilihat berdasarkan hadis diatas di mana Rasulullah SAW bersumpah tiga kali, menafikan iman orang yang mengganggu tetangganya, baik dengan ucapan maupun perbuatan.

Sebagai masyarakat yang prihatin, seseorang mestilah menjauhi segala perbuatan yang tidak disenangi oleh tetangganya. Sangatlah rugi bagi golongan yang beriman kepada Allah tetapi bersikap buruk terhadap jirannya. Hal ini sebagaimana riwayat Abu Hurairah, dia berkata, “Ada seseorang bertanya pada Rasulullah SAW:

يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنَّ فُلَانَةً تَقُومُ اللَّيْلَ وَتَصُومُ النَّهَارَ، وَتَفْعَلُ، وَتَصَدَّقُ، وَتُؤْذِي جِيرَانَهَا بِلِسَانِهَا؟ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «لَا خَيْرَ فِيهَا، هِيَ مِنْ أَهْلِ النَّارِ»، قَالُوا: وَفُلَانَةٌ تُصَلِّي الْمَكْتُوبَةَ، وَتَصَدَّقُ بِأَثْوَارٍ، وَلَا تُؤْذِي أَحَدًا؟ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «هِيَ مِنْ أَهْلِ الْجَنَّةِ»³³

Maksudnya: ‘Wahai Rasulullah, si fulanah sering melaksanakan solat di tengah malam dan berpuasa sunat di siang hari. Dia juga berbuat baik dan bersedekah, tetapi lidahnya sering mengganggu tetangganya.’ Rasulullah SAW menjawab: “Tidak ada kebaikan di dalam dirinya dan dia adalah penduduk neraka.” Seorang sahabat bertanya, “Ada wanita lain. Dia (hanya) melakukan solat fardhu dan bersedekah dengan gandum, tetapi ia tidak mengganggu tetangganya, bagaimana itu?” Rasulullah SAW menjawab, “Dia adalah dari penduduk syurga”.

Berdasarkan hadis tersebut jelaslah bahawa Islam bukan hanya menitikberatkan pelaksanaan ibadah fizikal semata-mata, bahkan ia perlu seiring dengan akhlak yang baik. Di samping itu, perbuatan menyakiti jiran tetangga juga bukan hanya mendapat ancaman neraka di akhirat kelak, bahkan mereka turut menerima hinaan manusia didunia ini sebagaimana hadis berikut:

Daripada Abu Hurairah RA berkata:

³³ Hadis riwayat al-Bukhari, Bab La Yu'zi Jarahu, no. Hadis: 119. Lihat Al-Bukhari, Muhammad Ismail. (1989). *Al-Adab al-Mufrad*. Muhammad Fuad Abdul Baqi (ed.). Beirut, Dar al-Basya'ir al-Islamiyyah, j. 1, h. 54. Hadis dinilai sahih oleh al-Albaniy. Lihat al-Albani, Muhammad Nasiruddin. (1995). *Silsilah al-Ahadith as-Sahihah wa Syai'un min Fuqahaha wa Fawa'iduha*. Riyad, Maktabah al-Maa'rif lil Nasyar wa at-Tauzi', no. Hadis: 190, j. 1, h. 369.

جَاءَ رَجُلٌ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَشْكُو جَارَهُ، فَقَالَ: أَذْهَبَ فَاصْبِرْ. فَأَتَاهُ مَرَّتَيْنِ أَوْ ثَلَاثًا، فَقَالَ:
أَذْهَبَ فَاطْرَحَ مَتَاعَكَ فِي الطَّرِيقِ. فَطَرَحَ مَتَاعَهُ فِي الطَّرِيقِ، فَجَعَلَ النَّاسُ يَسْأَلُونَهُ فَيُخْبِرُهُمْ حَبْرَهُ، فَجَعَلَ
النَّاسُ يَلْعَنُونَهُ: فَعَلَّ اللَّهُ بِهِ، وَفَعَلَ، وَفَعَلَ، فَجَاءَ إِلَيْهِ جَارُهُ فَقَالَ لَهُ: ارْجِعْ لَا تَرَى مِنِّي شَيْئًا تَكْرَهُهُ³⁴

Maksudnya: “Telah datang seorang lelaki kepada Nabi SAW mengadu perihal jirannya. Maka Nabi SAW bersabda: “Pergilah serta bersabarlah.” Setelah itu, lelaki itu datang lagi kepada Rasulullah SAW sebanyak dua atau tiga kali. Lalu Nabi SAW bersabda: “Pergilah dan campakkanlah barang-barang di rumah kamu ke jalan.” Lelaki tersebut kemudiannya mencampakkan barang-barang rumahnya ke jalan hingga menyebabkan orang-orang bertanya kepadanya. Lalu lelaki tersebut menceritakan apa yang berlaku kepada dirinya yang menyebabkan manusia (yang mendengar cerita tersebut) melaknat jiran tersebut dengan mengatakan: “Allah akan membalas perbuatannya (mendoakan keburukan), Allah akan balas dan Allah akan balas.” Selepas itu, lelaki tersebut didatangi oleh jiran tersebut dan jiran itu berkata: “Pulanglah kamu, kam tidak akan melihat (mendapati) sesuatu yang kamu benci itu lagi”.

Imam Ibn Ruslan³⁵ ketika mensyarahkan hadis ini menyatakan bahawa di dalamnya terkandung kelebihan bersabar dengan perihal jiran walaupun perkara tersebut berlaku berulang-ulang kali, di samping berusaha untuk mencegahnya selagi mampu. Selain itu, hadis ini juga menunjukkan keharusan berdoa kepada orang yang menyakiti orang lain secara terang-terangan sebagai pengajaran kepada pelaku agar meninggalkan perbuatan tersebut.

5.2 Prinsip Kejiranan Ketika Menghadapi Pandemik Covid 19

Wabak Covid-19 yang melanda seluruh dunia telah memberi impak yang besar bukan sahaja kepada ekonomi malah landskap kehidupan masyarakat turut mengalami perubahan. Dianggarkan sebanyak 78,372 orang kehilangan pekerjaan kesan dari wabak ini³⁶. Dengan kadar pengangguran yang tinggi, sudah tentu sumber kewangan mereka terjejas. Dalam menghadapi situasi ini, Islam telah menjelaskan peranan seorang anggota masyarakat terhadap jirannya yang lain seperti beriktu:

5.2.1 Membantu Jiran yang Mengalami Kesusahan

³⁴ Hadis riwayat Abu Daud, Kitab al-Adab, Bab Fi Haqqi al-Jawari, no. Hadis: 5153. Lihat Abu Daud, Sulaiman al-Asy'as. (2009). *Sunan Abi Daud*. Syu'ain al-Arna'out (ed.). Dar ar-Risalah al-'Alamiyah, j. 7, h. 463. Sanadnya adalah baik menurut Syeikh Syu'aib al-Arna'outh.

³⁵ Ibn Ruslan, Ahmad bin Hussain (2016). *Syarah Sunan Abi Daud*. Dar al-Falah Lil Bahas al-Ilmi, j. 19, h. 439-440.

³⁶ Suzalina Halid. (2020). COVID-19: Kira-kira 78,372 responden hilang pekerjaan. *Berita Harian*. Diambil dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/674919/covid-19-kira-kira-78372-responden-hilang-pekerjaan>, 9 April.

Menjadi kewajiban seorang Muslim untuk membantu jirannya yang ditimpa kesusahan dengan memberi apa yang dimiliki pada jiran tetangga terutamanya ketika pandemik ini melanda. Hal ini berdasarkan riwayat daripada Abdullah bin Umar ra:

الْمُسْلِمُ أَخُو الْمُسْلِمِ، لَا يَظْلِمُهُ وَلَا يُسْلِمُهُ، مَنْ كَانَ فِي حَاجَةِ أَخِيهِ كَانَ اللَّهُ فِي حَاجَتِهِ، وَمَنْ فَرَّجَ عَنِ
مُسْلِمٍ كُرْبَةً، فَرَّجَ اللَّهُ عَنْهُ بِهَا كُرْبَةً مِنْ كُرْبِ يَوْمِ الْقِيَامَةِ، وَمَنْ سَتَرَ مُسْلِمًا سَتَرَهُ اللَّهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ³⁷

Maksudnya: “Seorang Muslim adalah saudara terhadap Muslim (yang lain), dia tidak boleh menganiaya dan tidak akan dianiaya oleh orang lain. Sesiapa yang melaksanakan hajat saudaranya, maka Allah SWT akan melaksanakan hajatnya. Sesiapa yang melapangkan kesusahan seseorang Muslim, maka Allah SWT akan melapangkan kesukarannya pada hari kiamat. Sesiapa yang menutupi aib seseorang Muslim, maka Allah SWT akan menutup aibnya pada hari kiamat”.

Imam Nawawi³⁸ menyatakan bahawa dalam hadis ini dijelaskan keutamaan menolong seseorang khususnya sesama Muslim serta meringankan kesusahannya. Melapangkan kesusahan seseorang boleh dilakukan sama ada melalui sumbangan harta atau pertolongan.

Menurut Ibn Rajab al-Hanbali³⁹, *al-Kurbah* yang dimaksudkan dalam hadis ini ialah beban berat yang mengakibatkan seseorang sangat menderita dan sedih. *At-tanfīs* maksudnya berupaya meringankan beban tersebut dari penderita. Sedangkan *at-tafrīj* lebih baik dari *at-tanfīs* iaitu dengan cara melenyapkan beban penderitaan dari penderita sehingga kesedihan dan kesusahannya hilang. Balasan bagi yang meringankan beban orang lain ialah Allah akan meringankan kesulitannya. Dan balasan menghilangkan kesulitan adalah Allah akan menghilangkan kesulitannya.

Justeru itu, menjadi kewajiban dan tanggungjawab setiap Muslim membantu dan meringankan beban apabila ada di antara Muslim yang ditimpa musibah atau kesulitan lebih-lebih lagi sekiranya orang tersebut dari kalangan jirannya.

Dalam hadis lain yang diriwayatkan oleh Abu Dzar, baginda SAW bersabda:

يَا أَبَا ذَرٍّ إِذَا طَبَحْتَ مَرْقَةً، فَأَكْتَرِ مَاءَهَا، وَتَعَاهَدُ جِيرَانَكَ⁴⁰

³⁷ Hadis riwayat Muslim, Kitab al-Bir wa as-Silah wa al-Adab, Bab tahrim al-Zulmi, no. Hadis: 2580. Lihat: Muslim. (t.t.). *Sahih Muslim*, j. 4, h. 1996. Hadis riwayat al-Bukhari, Kitab al-Mazalim wa al-Ghasb, Bab La yazlimu al-Muslim al-Muslima wa la Yusallimuhu, no. Hadis: 2442. Lihat Al-Bukhari. (1422 H). *Sahih al-Bukhari*, j. 3, h. 128.

³⁸ An-Nawawi, (1392 H). *Al-Minhaj 'ala Syarh Sahih Muslim*, j. 16, h. 135.

³⁹ Ibn Rajab al-Hanbali, Zainuddin Abdul Rahman. (2001). *Jami' al-Ulum wal Hikam fi Syarh Khamsina Hadisan min Jawami' Kalam*. Syu'aib al-Arna'out (ed.). Beirut, Muassasah al-Risalah, j. 2, h. 286.

⁴⁰ Hadis riwayat Muslim, Kitab al-Bir wa as-Silah wa al-Adab, Bab al-Wasiyah bil Jari wa al-Ihsan Ilaihi, no. Hadis: 2625. Lihat: Muslim. (t.t.). *Sahih Muslim*, j. 4, h. 2025.

Maksudnya: “Wahai Abu Dzar, apabila engkau membuat suatu masakan, maka perbanyaklah kuahnya. Kemudian undanglah tetanggamu atau engkau bahagi-bahagikan kepada mereka”.

Hadis di atas menggalakkan jiran tetangga agar saling membantu walaupun sedikit, kerana kasih sayang dan keakraban yang timbul serta manfaat yang dihasilkan dapat menolak kerosakan yang lebih besar⁴¹.

Anjuran memberi perhatian terhadap jiran yang dalam kesusahan sangat dititikberatkan oleh Rasulullah SAW sehinggakan baginda melarang menutup pintu sekiranya terdapat jiran yang datang dengan sesuatu hajat sebagaimana riwayat dari Ibn Umar:

لَقَدْ أَتَى عَلَيْنَا زَمَانٌ - أَوْ قَالَ : حِينٌ - وَمَا أَحَدٌ أَحَقُّ بِدِينَارِهِ وَدِرْهَمِهِ مِنْ أَخِيهِ الْمُسْلِمِ، ثُمَّ الْآنَ الدِّينَارُ
وَالدِّرْهَمُ أَحَبُّ إِلَيَّ أَحَدِنَا مِنْ أَخِيهِ الْمُسْلِمِ، سَمِعْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: كَمْ مِنْ جَارٍ مُتَعَلِّقٍ
بِجَارِهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ، يَقُولُ، يَا رَبِّ! هَذَا أَعْلَقَ بَابَهُ دُونِي، فَمَنْعَ مَعْرُوفَهُ! ⁴²

Maksudnya: “Telah datang kepada kami (para sahabat) suatu zaman, atau dia berkata: ketika mana seorang itu (merasa) saudaranya sesama muslim lebih berhak untuk memiliki dirham dan dinar yang ia miliki. Namun sekarang, dinar dan dirham lebih dicintai oleh salah seorang di antara kita melebihi saudaranya sesama muslim. Saya telah mendengar Rasulullah SAW bersabda: “Berapa banyak tetangga yang akan memegang tangan jirannya di hari kiamat sambil berkata,”Wahai Tuhanku! Orang ini menutup pintunya dariku dan dia enggan memberi apa yang ia miliki”.

Perlu disedari bahawa jiran yang baik ialah mereka yang mengambil berat terhadap jirannya sama ada ketika sihat atau sakit, kenyang atau ketika dia lapar. Hal ini bertepatan dengan hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Az-Zubair, “Saya pernah mendengar Rasulullah SAW bersabda:

لَيْسَ الْمُؤْمِنُ الَّذِي يَشْبَعُ، وَجَارُهُ جَائِعٌ ⁴³

Maksudnya: “Tidaklah disebut mukmin orang yang kenyang sedangkan jirannya dalam keadaan kelaparan”.

⁴¹ Faisal al-Mubarak, Faisal Abdul Aziz. (2002). Tatriz Riyadus Salihin. Abdul Aziz bin Abdullah bin Ibrahim (ed.). Riyadh, Dar al-‘Asimah lil Nasyar wa Tauzi’, j. 1, h. 217.

⁴² Hadis riwayat al-Bukhari, Bab Man Aghlaqa al-Bab ‘Ala al-Jari, no. Hadis: 111. Lihat Al-Bukhari. (1989). *Al-Adab al-Mufrad*, j. 1, h. 52. Hadis dinilai sebagai Hasan Lighairihi oleh al-Albaniy. Lihat al-Albani. (1995). *Silsilah al-Ahadith as-Sahihah wa Syai’un min Fuqahaha wa Fawa’iduha*, j. 6, h. 302.

⁴³ Hadis riwayat al-Bukhari, Bab La yashba’ duna Jarihi, no. Hadis: 112. Lihat Al-Bukhari. (1989). *Al-Adab al-Mufrad*, j. 1, h. 52. Hadis dinilai sebagai sahih oleh al-Albaniy. Lihat al-Albani. (1995). *Silsilah al-Ahadith as-Sahihah wa Syai’un min Fuqahaha wa Fawa’iduha*, j. 1, h. 278-279.

Hadis Nabi SAW sepertimana berikut merupakan peringatan kepada kita untuk tidak mengabaikan tanggungjawab dalam membantu jiran yang mengalami kesusahan. Dalam situasi pandemik ini, kita perlu mengambil tahu perkembangan kesihatan jiran masing masing. Begitu juga sekiranya terdapat dalam kalangan mereka yang dikuarantin, maka hulurkan bantuan disamping berdoa untuk kesejahteraan.

5.2.2 Mengelakkan Penyebaran Berita Palsu dalam Kalangan Jiran

Dalam keadaan pandemik yang semakin meruncing, terdapat beberapa pihak mengambil kesempatan dengan mengada-adakan berita palsu terutama melalui medium media sosial sebagai contoh penyebaran berita palsu berkaitan kewujudan kes Covid-19 di Guar Chempedak di Kedah serta dakwan terdapat anggota PPK Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru positif Covid 19⁴⁴. Penyebaran berita palsu bukan sahaja memberi impak buruk terhadap keadaan politik, ekonomi, sosial bahkan ianya turut mencetuskan panik dalam kalangan masyarakat. Justeru itu, bagi menjaga kerukunan hidup berjiran, perbuatan menyebarkan berita yang tidak pasti kesahihannya adalah dilarang.

Justeru, menjadi tanggungjawab sebagai seorang jiran untuk menyemak terlebih dahulu bagi memastikan kebenaran berita yang diterima sebelum menyebarkannya kepada orang lain. Pentingnya tabayyun dalam penerimaan dan penyebaran sesebuah berita bertujuan mengelakkan kita tergolong dalam kalangan pendusta seterusnya mengundang kemurkaan Allah swt sebagaimana hadis yang diriwayatkan Hafs bin Asim ra, sabda Nabi SAW:

كَفَى بِالْمَرْءِ كَذِبًا أَنْ يُحَدِّثَ بِكُلِّ مَا سَمِعَ⁴⁵

Maksudnya: Cukuplah bagi seseorang itu digelar pendusta apabila menceritakan semua yang didengarnya (tanpa tabayyun)”.

Menurut Imam an-Nawawi⁴⁶, hadis di atas memberi peringatan agar tidak membicarakan setiap yang didengari. Hal ini kerana, kemungkinan berita yang didengari boleh menjadi sesuatu berita yang benar mahupun palsu. Sekiranya, ianya palsu maka seseorang itu tergolong sebagai pendusta disebabkan berita yang disebarkan.

⁴⁴ “Sebenarnya.my”. (2020). *Tiada Kes COVID-19 Di Guar Chempedak, Kedah*. Diambil dari <https://sebenarnya.my/tiada-kes-covid-19-di-guar-chempedak-kedah/>, 15 Ogos. *Dakwaan Terdapat Anggota PPK Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru Positif COVID-19 Adalah Tidak Benar*. Diambil dari <https://sebenarnya.my/dakwaan-terdapat-anggota-ppk-hospital-sultanah-aminah-johor-bahru-positif-covid-19-adalah-tidak-benar/>, 24 Oktober.

⁴⁵ Hadis riwayat Muslim, Bab an-Nahi ‘an al-Hadis bi Kulli Ma Sami’a. Lihat: Muslim. (t.t.). *Sahih Muslim.*, j. 1, h. 10.

⁴⁶ An-Nawawi, (1392 H). *Al-Minhaj ‘ala Syarh Sahih Muslim*, j. 1, h. 75.

Pendapat yang sama turut dinyatakan oleh Ibn Hibban⁴⁷, beliau menjelaskan bahawa hadis ini mengandungi larangan bagi seseorang untuk menyebarkan semua berita yang didengarinya sehinggalah dia mengetahui secara yakin akan kesahihannya.

Oleh yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab seseorang jiran untuk tidak mengambil mudah dalam berkongsi berita yang tidak pasti kesahihannya. Ini kerana, Allah SWT telah menyediakan hukuman yang berat bagi orang yang menyebarkan berita palsu sepertimana yang digambarkan dalam hadis yang diriwayatkan Samurah bin Jundub ra:

رَأَيْتُ اللَّيْلَةَ رَجُلَيْنِ أَتَيَانِي، قَالَ: الَّذِي رَأَيْتَهُ يُشَقُّ شِدْقُهُ، فَكَذَّابٌ يَكْذِبُ بِالْكَذِبَةِ، تُحْمَلُ عَنْهُ حَتَّى تَبْلُغَ
الْآفَاقَ، فَيُصْنَعُ بِهِ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ⁴⁸

Maksudnya: Rasulullah SAW bersabda: “Aku melihat dalam mimpiku dua orang menghampiriku. Mereka berkata: ‘Orang yang engkau lihat merobek-robek mulutnya, maka dia adalah seorang pendusta yang sentiasa berdusta hingga di bawanya sampai ke ufuk. Dan dia selalu seperti itu hingga hari kiamat.’”

5.2.3 Menjaga Rahsia dan Menutup Keaiban Jiran.

Dalam konteks pandemik Covid-19 ini, terdapat kes dimana beberapa maklumat peribadi dan nama pesakit telah disebarikan tanpa persetujuan individu terbabit. Hal ini bukan sahaja mengundang trauma kepada pesakit bahkan ia hanya akan menimbulkan ketakutan dan kebimbangan dalam kalangan masyarakat. Sekiranya maklumat peribadi disebarikan, dibimbangi pesakit yang sudah dirawat dan pulih sepenuhnya akan disisihkan oleh jiran apabila mereka pulang ke kediaman masing-masing. Oleh yang demikian, adalah wajar seseorang jiran bersikap prihatin kepada jirannya serta menjaga aib mereka. Ini bertepatan dengan sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan Abdullah bin Umar RA:

الْمُسْلِمُ أَخُو الْمُسْلِمِ، لَا يَظْلِمُهُ وَلَا يُسْلِمُهُ، مَنْ كَانَ فِي حَاجَةِ أَخِيهِ كَانَ اللَّهُ فِي حَاجَتِهِ، وَمَنْ فَرَّجَ عَنْ
مُسْلِمٍ كُرْبَةً، فَرَّجَ اللَّهُ عَنْهُ بِهَا كُرْبَةً مِنْ كُرْبِ يَوْمِ الْقِيَامَةِ، وَمَنْ سَتَرَ مُسْلِمًا سَتَرَهُ اللَّهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ⁴⁹

⁴⁷ Ibn Hibban, Muhammad. (1396 H). *Al-Majruhain Min al-Muhaddisin Wa ad-Du'afa' wa al-Matrukin*. Halb, Dar al-Wa'ie, j. 1, h. 25.

⁴⁸ Hadis riwayat al-Bukhari, Kitab al-Adab, Bab Qaulu Allah Ta'ala “Ya Ayyuhal Lazina Amanu Ittaqullah wa Kunu ma'as Sodiqin, [at-Taubah: 119] wa Ma Yanhi 'an al-Kazbi, no. Hadis: 6096. Lihat Al-Bukhari. (1422 H). *Sahih al-Bukhari*, j. 8, h. 25.

⁴⁹ Hadis riwayat Muslim, Kitab al-Bir wa as-Silah wa al-Adab, Bab tahrim al-Zulmi, no. Hadis: 2580. Lihat: Muslim. (t.t.). *Sahih Muslim*, j. 4, h. 1996. Hadis riwayat al-Bukhari, Kitab al-Mazalim wa al-Ghasb, Bab La yazlimu al-Muslim al-Muslima wa la Yusallimuhu, no. Hadis: 2442. Lihat Al-Bukhari. (1422 H). *Sahih al-Bukhari*, j. 3, h. 128.

Maksudnya: "Seorang Muslim adalah saudara terhadap Muslim (yang lain), dia tidak boleh menganiaya dan tidak akan dianiaya oleh orang lain. Sesiapa yang melaksanakan hajat saudaranya, maka Allah SWT akan melaksanakan hajatnya. Sesiapa yang melapangkan kesusahan seseorang Muslim, maka Allah SWT akan melapangkan kesukarannya pada hari kiamat. Sesiapa yang menutupi aib seseorang Muslim, maka Allah SWT akan menutup aibnya pada hari kiamat".

Sikap prihatin terhadap jiran yang terkena wabak ini sangat penting untuk mengelakkan situasi panik di kawasan kejiranan disamping menjaga perasaan pesakit dan ahli keluarga mereka. Kita boleh mengambil iktibar dari insiden yang berlaku di Indonesia dimana penduduk kampung menghalang jasad pesakit Covid-19 untuk dikebumikan di kawasan mereka⁵⁰. Untuk mengelakkan terjadinya perkara tersebut, sebagai seorang individu yang bertanggungjawab maka perlulah mengelakkan diri dari menyebarkan maklumat jiran yang disyaki pesakit Covid-19 tanpa keizinan mereka.

5.2.4 Larangan Meremehkan Bantuan yang Diterima

Dalam situasi pandemik, terdapat pelbagai bantuan berupa keperluan dan kelengkapan harian yang disalurkan sama ada daripada institusi kejiranan mahupun orang perseorangan. Meskipun pemberian atau bantuan yang diterima dianggap kurang bermanfaat, namun begitu janganlah kita meremehkan pemberian tersebut. Ini bertepatan dengan hadis yang melarang seseorang meremehkan pemberian dari jirannya sebagaimana yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah, Rasulullah SAW bersabda:

يَا نِسَاءَ الْمُؤْمِنَاتِ، لَا تَحْقِرَنَّ جَارَةً لِّجَارَتِهَا وَلَوْ بِفَرَسِينَ شَاةٍ⁵¹

Maksudnya: "Hai wanita-wanita muslimat, janganlah seorang tetangga itu menghinakan kepada tetangganya yang lain, sekalipun yang dihadiahkan itu berupa kikir (kaki) kambing."

Menurut al-'Ibad⁵², hadis tersebut mengandungi peringatan kepada jiran tetangga untuk tidak meremehkan pemberian tetangganya, dan perbuatan ini merupakan salah satu dari adab berjiran. Walaupun pemberian tersebut kecil nilainya atau pada umumnya kelihatan tidak bernilai atau tidak berfaedah kepada kita, yang penting adalah amal perbuatannya. Justeru, sebagai seorang penerima bantuan maka perlulah sentiasa bersyukur walaupun nilainya adalah kecil. Hal ini kerana, sekecil manapun pemberian seseorang, ianya tetaplah besar di sisi Allah jika tujuannya untuk mengeratkan silaturahmi.

⁵⁰ "Sinar Harian". (2020). Tolong jangan 'tolak' mayat pesakit Covid-19. Diambil dari <https://www.sinarharian.com.my/article/77082/KHAS/Koronavirus/Tolong-jangan-tolak-mayat-pesakit-Covid-19>, 3 April.

⁵¹ Hadis riwayat al-Bukhari, Kitab al-Adab, Bab La Tahqiranna Jaratun Li Jaratiha, no. Hadis: 6017. Lihat Al-Bukhari. (1422 H). *Sahih al-Bukhari*, j. 8, h. 10.

⁵² Al-'Ibad, Abdul Muhsin (t.t.). *Syarah sunan Abi Daud*. Mauqi' Syubkah al-Islamiyyah, j. 5, h.

6. KESIMPULAN

Pengamalan nilai persaudaraan dan kekeluargaan antara kejiranan berupaya membentuk masyarakat sejahtera. Nilai murni seperti saling mengormati, bertoleransi serta berbuat baik sesama jiran perlu diterapkan dan dihayati dalam masyarakat kita. Ini kerana, kehidupan berjiran dalam suasana yang harmoni serta sejahtera dan persaudaraan yang kukuh antara jiran tetangga mampu meningkatkan kestabilan politik, mengurangkan kadar jenayah, menjana pembangunan ekonomi serta dapat menjaga kebajikan sosial masyarakat.

RUJUKAN (REFERENCES)

- [1] Al-Qur'an al-Karim
- [2] A A Ibn Hajar. 1959. *Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari*. Beirut, Dar al-Ma'rifah.
- [3] A H Ibn Ruslan. (2016). *Syarah Sunan Abi Daud*. Dar al-Falah Lil Bahas al-Ilmi.
- [4] A H Muslim. (t.t.). *Al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar bi Naqli al-'Adli 'An al-'Adli ila Rasululullahi Sallallahu Alaihi Wassallam [Sahih Muslim]*. Muhammad Fuad Abdul Baqi (ed.). Beirut: Dar Ihya' at-Turash al-'Arabi
- [5] A M Al-'Ibad. (t.t.). *Syarah sunan Abi Daud*. Mauqi' Syubkah al-Islamiyyah. A R Al-Munawi. (1356 H). *Faidul Qadir Syarah al-Jami' as- Shaghir*. Mesir, al-Maktabah al-Tijariyah al-Kubra.
- [6] A R H As-San'ani. (1403 H). *Al-Musannaf*. Beirut, al-Maktab al-Islami.
- [7] A U Al-Baidhawi. (1418 H). *Anwar at-Tanzil wa Asrar at-Ta'wil*. Beirut, Dar Ihya' at-Turath al-'Arabi.
- [8] Dewan Bahasa dan Pustaka. (2020). *Jiran*. Diambil dari <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=jiran&d=140344&>.
- [9] F AA, Faisal al-Mubarak. (2002). *Tatriz Riyadus Salihin*. Abdul Aziz bin Abdullah bin Ibrahim (ed.). Riyadh, Dar al-'Asimah lil Nasyar wa Tauzi'.
- [10] I U Ibn Kathir. (1419 H). *Tafsir al-Qur'an al-A'zim*. Muhammad Hussain Syamsuddin (ed.). Beirut, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- [11] M A Al-Aini. (t.t.). *'Umdah al-Qari Syarah Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiyy.
- [12] M A Al-Alusi. 1415H. *Ruhul Ma'ani Fi tafsiril Qur'an Al-Azim Wa Sab'ul Masani*. Beirut, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- [13] M A Asy-Syaukani. (1414 H). *Fathul Qadir*. Beirut, Dar ibn Kathir.

- [14] M I Al-Bukhari. (1422 H). *Sahih al-Bukhari al-Musamma al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtashir min Umur Rasulullah SAW wa Sunanuhu wa Ayamuhu*. Muhammad Zuhair Nasir an-Nasir (ed.). Beirut, Dar Tauqa al-Najah.
- [15] M I Al-Bukhari. (1989). *Al-Adab al-Mufrad*. Muhammad Fuad Abdul Baqi (ed.). Beirut, Dar al-Basya'ir al-Islamiyyah.
- [16] M M Amin. (2018). Sikap Ambil Peduli Masyarakat Boleh Elak Kejadian Jenayah. *Malaysia Gazette*. Dipetik daripada <https://malaysiagazette.com/2018/02/05/sikap-ambil-peduli-masyarakat-boleh-elak-kejadian-jenayah/>
- [17] M N al-Albani. (1995). *Silsilah al-Ahadith as-Sahihah wa Syai'un min Fuqahaha wa Fawa'iduha*. Riyad, Maktabah al-Maa'rif lil Nasyar wa at-Tauzi'.
- [18] M S Al-Uthaimin. (1426 H). *Syarh Riyadhhis Shalihin*. Ar-Riyadh, Dar al-Watan Lil Nasyar.
- [19] M Y An-Nawawi. (1392H). *Al-Minhaj 'ala Syarh Sahih Muslim*. Beirut, Dar Ihya al-Turath al-Arabi.
- [20] M Y Hussain, MS Samsurijan, S Ishak dan AH Awang. 2011. Hubungan Kejiranan Dalam Membentuk Kesejahteraan Hidup Masyarakat Kampung Baandar: Kes Kampung Berjaya dan Kampung Mempelam, Alor Setar, Malaysia. *Malaysia Journal of Society and Space*. No 7. Issue 3 (36-44).
- [21] MI At-Tirmizi (1975). *Sunan at-Tirmizi*. Mesir, Syarikah Maktabah wa Matba'ah Mustofa al-Bahi al-Halbi.M Ibn Hibban. (1396H). *Al-Majruhain Min al-Muhaddisin Wa ad-Du'afa' wa al-Matrukin*. Halb, Dar al-Wa'ie.
- [22] MS Al-Uthaimin. (t.t.). *Syarah al-Arba'in an-Nawawiyah*. Dar as-Suria Lil Nasyar.
- [23] N A Sulaiman. (2018). Hilang sabar tikam jiran sering buat bising. *Berita harian*. Di ambil dari <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2018/05/431977/hilang-sabar-tikam-jiran-sering-buat-bising>.
- [24] N F Che Ad. (2020). Tetak Jiran Didakwa Selalu Bising. *MyMetro*. Diambil dari <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/566290/tetak-jiran-didakwa-selalu-bising>.
- [25] S A Abu Daud. (2009). *Sunan Abi Daud*. Syu'ain al-Arna'out (ed.). Dar ar-Risalah al-'Alamiyah.
- [26] S A At-Tabrani. (1984). *Musnad As-Syamiyin*. Beirut, Muassasah al-Risalah.
- [27] S Halid. (2020). COVID-19: Kira-kira 78,372 responden hilang pekerjaan. *Berita Harian*. Diambil dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/674919/covid-19-kira-kira-78372-responden-hilang-pekerjaan>
- [28] [Sebenarnya.my](https://sebenarnya.my). (2020). *Dakwaan Terdapat Anggota PPK Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru Positif COVID-19 Adalah Tidak Benar*. Diambil dari <https://sebenarnya.my/dakwaan->

terdapat-anggota-ppk-hospital-sultanah-aminah-johor-bahru-positif-covid-19-adalah-tidak-benar/

- [29] Sebenarnya.my. (2020). *Tiada Kes COVID-19 Di Guar Chempedak, Kedah*. Diambil dari <https://sebenarnya.my/tiada-kes-covid-19-di-guar-chempedak-kedah/>.
- [30] Sinar Harian. (2020). *Tolong jangan 'tolak' mayat pesakit Covid-19*. Diambil dari <https://www.sinarharian.com.my/article/77082/KHAS/Koronavirus/Tolong-jangan-tolak-mayat-pesakit-Covid-19>.
- [31] V Salmi & J Kivivuori. 2006. The Association Between Social Capital And Juvenile Crime: The Role Of Individual And Structural Factors. *European Journal of Criminology*. 3 (2), 123-148.
- [32] Z AR Ibn Rajab al-Hanbali. (2001). *Jami' al Ulum wal Hikam fi Syarh Khamsina Hadisan min Jawami' Kalam*. Syu'aib al-Arna'out (ed.). Beirut, Muassasah al-Risalah.
- [33] Z I Zolkiply. (2020). Suri rumah mengaku tidak bersalah pukul jiran. *Berita Harian*. Diambil dari <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2020/07/713983/suri-rumah-mengaku-tidak-bersalah-pukul-jiran>.